



SIARAN AKHBAR

INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI FEBRUARI 2025

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam bagi Februari 2025. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas hampir 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana dan besar dari 11 sektor ekonomi, di kesemua daerah di Negara Brunei Darussalam.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja, dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, indeks ini boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi negara.

3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya

4. Indeks utama BSI, iaitu Sub-indeks Keadaan Perniagaan adalah 50.0 bagi Februari 2025. Indeks ini mencerminkan sentimen berlainan mengikut sektor. Kebanyakan perniagaan mempunyai sentimen neutral dengan laporan keadaan perniagaan yang lebih kurang sama dengan bulan sebelum ini dan juga projek-projek yang sedang berjalan. Sementara itu, sentimen optimistik didorong oleh peningkatan jualan berikutan persiapan musim perayaan serta projek-projek baharu yang menyumbang kepada prestasi yang lebih baik dalam sesetengah sektor. Walau bagaimanapun, terdapat juga sentimen pesimistik yang ketara pada bulan Februari disebabkan oleh beberapa faktor seperti penyingkatan waktu bekerja, pembayaran tertunda dari pelanggan, penangguhan projek, keadaan cuaca buruk, serta pengurangan aktiviti perniagaan selepas sambutan Tahun Baharu Cina dan penerimaan bonus. Indeks keadaan perniagaan bagi satu bulan ke hadapan meningkat kepada tahap 50.3, menandakan sentimen optimistik yang didorong oleh sambutan bulan Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri yang dijangka akan meningkatkan permintaan, jualan, dan aktiviti perniagaan secara keseluruhan dalam pelbagai sektor. Walaupun sesetengah perniagaan menjangka pengurangan operasi pada bulan Ramadhan, sentimen

keseluruhan kekal positif dengan projek-projek baharu dan aktiviti-aktiviti promosi yang turut menyumbang kepada jangkaan peningkatan prestasi perniagaan pada bulan Mac 2025.

5. Sub-indeks Pelaburan adalah 50.0, di mana tahap pelaburan kekal bagi bulan Februari 2025. Sub-indeks ini meningkat sedikit kepada 50.1 bagi tempoh satu bulan ke hadapan dan tiga bulan ke hadapan. Bagi Februari 2025, kebanyakan perniagaan melaporkan tiada perubahan ketara dalam tahap pelaburan. Ini adalah selaras dengan sentimen neutral terhadap keadaan perniagaan, dengan sejumlah perniagaan terus memberi tumpuan kepada projek-projek yang sedang berjalan. Walau bagaimanapun, bagi bulan berikutnya, beberapa perniagaan merancang untuk meningkatkan tahap pelaburan mengambil kira projek-projek yang akan datang, pengisian semula stok untuk musim perayaan, dan persiapan untuk pelancaran produk baharu. Memandang tiga bulan ke hadapan, tahap pelaburan juga dijangka akan meningkat dengan permulaan projek-projek baharu, pelaksanaan rancangan pengembangan perniagaan, serta pembelian peralatan atau mesin tambahan.
6. Sub-indeks Pengambilan Pekerja berada pada tahap 50.6 bagi Februari 2025 dan 50.3 bagi satu bulan ke hadapan. Ini menunjukkan bahawa peniaga sedang aktif mengambil pekerja untuk memenuhi keperluan operasi dan menyokong pertumbuhan masa depan, khususnya bagi syarikat-syarikat saiz sederhana dan besar. Bagi Februari 2025, beberapa sektor perniagaan seperti Minyak & Gas dan yang Berkaitan, Kesihatan & Pendidikan, dan Perkhidmatan Swasta Lain melaporkan pengambilan pekerja baharu yang didorong oleh projek-projek yang sedang berjalan, rancangan pengembangan, serta untuk meningkatkan kecekapan dan menyokong fasa operasi baharu. Memandang ke hadapan, tahap pekerjaan dijangka terus meningkat memandangkan banyak perniagaan membuat persiapan untuk projek-projek baharu dan peningkatan permintaan semasa musim perayaan. Sektor-sektor seperti sektor Perdagangan Borong & Runcit merancang untuk mengambil pekerja sambilan sebagai persediaan menghadapi peningkatan aktiviti perniagaan yang dijangkakan.
7. Sub-indeks Kos Perniagaan adalah 49.8 bagi Februari 2025 dan satu bulan ke hadapan. Bagi Februari 2025, beberapa perniagaan melaporkan pengurangan kos berikutan langkah-langkah penjimatan kos, pengurangan aktiviti operasi, serta penurunan kos gaji akibat perletakan jawatan atau penamatan kontrak pekerja. Memandang ke hadapan, penurunan kos yang dijangkakan bagi sesetengah perniagaan adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh jangkaan penyingkatan waktu operasi pada bulan Ramadhan. Beberapa syarikat lain juga merancang untuk mengurangkan perbelanjaan bagi bahan mentah dan penyelenggaraan yang terus menyumbang kepada jangkaan pengurangan kos.

BSI Februari 2025	
Keadaan Perniagaan	50.0
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.3
Pelaburan	50.0
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.1
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.1
Pengambilan Pekerja	50.6
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	50.3
Kos Perniagaan	49.8

Kos Satu Bulan ke Hadapan	49.8
---------------------------	------

8. Dari segi sektor ekonomi, hanya satu daripada 11 sektor, iaitu Perdagangan Borong & Runcit, menjangka keadaan perniagaan yang optimistik pada bulan Februari 2025, dengan indeks 50.1, yang didorong oleh peningkatan jualan berikutan persiapan untuk sambutan bulan Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri. Sebaliknya, lima sektor menunjukkan keadaan perniagaan yang merosot: sektor Perkhidmatan Lain menghadapi kemerosotan disebabkan faktor bermusim, pengurangan aktiviti pelanggan, dan cabaran operasi; sektor Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan menghadapi cabaran seperti permintaan yang lebih rendah selepas sambutan Tahun Baharu Cina, cuaca buruk, dan kekurangan tenaga kerja; sektor Pembinaan mengalami pengurangan aktiviti akibat gangguan cuaca dan penyelesaian projek; sektor Kesihatan & Pendidikan, terutamanya perkhidmatan kesihatan, mengalami penurunan disebabkan bulan yang lebih pendek dan cuti perayaan; dan sektor Pengangkutan & Komunikasi menurun secara keseluruhan akibat pengurangan perjalanan jarak jauh dan aktiviti penghantaran. Sektor-sektor lain, iaitu Kewangan & Insurans, Minyak & Gas dan yang Berkaitan, Harta Tanah & Pemilikan Kediaman, Pembuatan, serta Hotel & Restoran, menunjukkan sentimen yang hampir sama berbanding dengan bulan sebelumnya.

Keadaan Perniagaan Februari 2025 Mengikut Sektor	
Perdagangan Borong & Runcit	50.1
Kewangan & Insurans	50.0
Minyak & Gas dan yang Berkaitan	50.0
Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	50.0
Pembuatan	50.0
Hotel & Restoran	50.0
Perkhidmatan Lain	49.9
Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	49.9
Pembinaan	49.8
Kesihatan & Pendidikan	49.5
Pengangkutan & Komunikasi	49.2

9. Dari segi saiz perniagaan, perniagaan mikro, sederhana, dan besar menunjukkan sentimen yang hampir sama berbanding dengan bulan sebelumnya mengambil kira operasi yang konsisten, projek-projek yang sedang berjalan, dan tiada perubahan ketara dalam aktiviti perniagaan. Walau bagaimanapun, perniagaan-perniagaan kecil menunjukkan sentimen yang pesimistik, yang disebabkan oleh faktor-faktor utama termasuk bilangan hari operasi yang lebih sedikit pada bulan Februari 2025, keadaan cuaca buruk yang menjejaskan produktiviti, serta penurunan permintaan pelanggan selepas sambutan Tahun Baharu Cina.

Keadaan Perniagaan Februari 2025 Mengikut Saiz	
Mikro	50.0
Kecil	49.8
Sederhana	50.0
Besar	50.0

10. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak bulan Ogos 2020 adalah di LAMPIRAN 1. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di www.bdcg.gov.bn. Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.


Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 16 Syawal 1446H / 15 April 2025M

Ruj: BDCB/COMMS/3


LAMPIRAN 1

Keadaan Perniagaan




Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Pelaburan



Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.



Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.



Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan lebih kurang sama /tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya.


Kos



Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos.


Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.

BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga Februari 2025



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.